



# MODUL PENDIDIKAN SIVIK DALAM BAHASA MELAYU

## Tajuk: Hentikan Keganasan

**Nilai Teras:** Kasih sayang

**Masa:** 1 jam

**SK:** 1.4 Berbicara tentang sesuatu perkara dalam pelbagai situasi formal dan tidak formal.

**SP:** 1.4.1 Berbual dengan menerangkan sesuatu isu yang berkaitan dengan komuniti menggunakan sebutan yang betul dalam situasi tidak formal secara bertatasusila.

### Objektif:

Pada akhir PdPc, murid akan dapat:

1. Menjelaskan punca-punca berlakunya keganasan rumah tangga
2. Menyatakan tiga kesan gejala buli terhadap keganasan rumah tangga
3. Menyatakan tiga peranan yang perlu dimainkan oleh pelbagai pihak untuk membantu mangsa keganasan rumah tangga
4. Membuat laporan kepada pihak berwajib tentang kes keganasan rumah tangga

### Aktiviti Pendidikan Sivik : Pengetahuan

1. Murid-murid menyediakan keratan akhbar tentang keganasan rumah tangga.
2. Berdasarkan keratan akhbar tersebut, murid-murid berbicara tentang punca-punca berlakunya keganasan rumah tangga serta kesannya terhadap mangsa.

01 Jun 2019 / Rabu

Terbitan semasa

## Pegawai SPRM pukul isteri direman

■ MOHAMAD NORZAHARUDDIN KASIMON

SEGAMAT – Polis Johor mengesahkan ada menerima dua laporan berhubung satu muat naik daripada laman sosial seorang wanita Melayu yang mendakwa menjadi mangsa keganasan rumah tangga seperti yang disebarluaskan di media sosial.

01 Mei 2018 / Isnin

Terbitan semasa

## Belasah suami lupa beli roti canai

■ Lelaki rahsia didera pasangan kerana malu diketahui keluarga

Oleh Mohammad Azim Fitri Abd Aziz dan Fady Bunga

Gombak – Diketuk, dipukul, ditumbuk, dan disimbah cili kisar, itu penderitaan sering dialami suami setiap kali dia gagal memuaskan hati isterinya termasuk hal remeh sejak mereka berkahwin dua tahun lalu.

### Aktiviti Pendidikan Sivik : Sosioemosi

1. Murid-murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan untuk menjalankan aktiviti ‘Round Robin’.
2. Setiap kumpulan hendaklah berbincang tentang topik yang diberikan oleh guru, iaitu peranan pelbagai pihak untuk membendung masalah keganasan rumah tangga.
3. Setiap murid hendaklah memberikan idea dalam kumpulan berkaitan dengan tajuk yang diberikan.
4. Setiap murid hanya perlu memberikan satu isi dalam setiap pusingan dan proses ini akan berlaku dalam beberapa pusingan.

### Aktiviti Pendidikan Sivik : Tindakan

1. Anda mengesyaki rakan sekelas anda telah menjadi mangsa keganasan rumah tangga oleh ayahnya.
2. Berdasarkan pernyataan di atas, secara berkumpulan dan menggunakan kaedah Main Peranan, murid mensimulasikan cara melaporkan kejadian keganasan rumah tangga kepada pihak sekolah secara berkolaboratif.

**Refleksi** (*Diisi oleh guru sebaik sahaja selesai pengajaran*)

### Tajuk: Denyutan Nadi Anak Malaysia

**Nilai teras:** Kasih sayang

**Masa:** 1 jam

**SK:** 1.3 Mendengar dan memahami maklumat, fakta, idea, dan hujah dalam pelbagai wacana dan memberikan respons.

**SP:** 1.3.1 Mendengar dan mengenal pasti maklumat dalam pelbagai wacana dan memberikan respons secara lisan dengan betul, tepat, dan bermakna.

**Objektif:**

Pada akhir PdPc, murid akan dapat:

1. Menjelaskan peranan Rukun Negara terhadap rakyat
2. Menyatakan tiga kesan jika rakyat tidak menghayati Rukun Negara
3. Menyatakan tiga peranan yang perlu dimainkan oleh pelbagai pihak untuk meningkatkan penghayatan rakyat terhadap Rukun Negara

### Aktiviti Pendidikan Sivik : Pengetahuan

1. Murid-murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan untuk menjalankan aktiviti ‘Round Robin’.
2. Murid diberikan tajuk untuk dibincangkan, iaitu kepentingan Rukun Negara untuk membentuk rakyat yang bersatu padu.
3. Setiap murid hendaklah memberikan idea dalam kumpulan masing-masing berkaitan dengan tajuk yang diberikan.
4. Setiap murid hanya perlu memberikan satu isi dalam setiap pusingan dan proses ini akan berlaku dalam tiga pusingan.

### Aktiviti Pendidikan Sivik : Sosioemosi

1. Murid-murid dibahagikan kepada lima kumpulan dan diberikan tajuk kepentingan Rukun Negara, langkah-langkah mengukuhkan penghayatannya dan cabaran-cabarannya.
  - Kumpulan 1 (Topi Putih) : Informasi Data Penghayatan Rukun Negara
  - Kumpulan 2 (Topi Hitam) : Cabaran Penghayatan Rukun Negara
  - Kumpulan 3 (Topi Kuning) : Kepentingan Rukun Negara
  - Kumpulan 4 (Topi Merah) : Emosi Akibat Kurang Penghayatan Rukun Negara
  - Kumpulan 5 (Topi Hijau) : Langkah Meningkatkan Penghayatan Rukun Negara
2. Setiap murid hendaklah menyediakan bahan pembentangan dengan menggunakan 'Power Point'.
3. Murid lain diberikan peluang untuk bertanyakan soalan tentang perkara yang disampaikan oleh pembentang.

### Aktiviti Pendidikan Sivik : Tindakan

1. Anda mendapati sekumpulan murid di sekolah anda bersikap perkauman dengan enggan bergaul dengan rakan-rakan bangsa lain.
2. Berdasarkan pernyataan di atas, secara berkumpulan dan menggunakan kaedah Main Peranan, murid mensimulasikan cara melaporkan hal ini kepada pengetua sekolah.

**Refleksi** (*Diisi oleh guru sebaik sahaja selesai pengajaran*)

### Tajuk: Hak dalam Keluarga

**Nilai teras:** Hormat-menghormati

**Masa:** 1 jam

**SK:** 1.6 Menyampaikan maklumat tentang sesuatu perkara dalam pelbagai situasi.

**SP:** 1.6.1 Menyaring dan menyampaikan maklumat yang tepat dan menggunakan ayat yang gramatis.

#### **Objektif:**

Pada akhir PdPc, murid akan dapat:

1. Menjelaskan kepentingan amalan hormat-menghormati dalam keluarga
2. Menyatakan tiga kesan jika amalan hormat-menghormati tiada
3. Menyatakan tiga peranan yang perlu dimainkan oleh pelbagai pihak untuk membentuk amalan hormat-menghormati
4. Membuat laporan kepada ibu bapa tentang kes masalah tiada sikap hormat-menghormati

### Aktiviti Pendidikan Sivik : Pengetahuan

1. Murid-murid mendapatkan maklumat daripada Internet yang berkaitan dengan amalan hormat-menghormati.
2. Berdasarkan maklumat itu, murid-murid berbicara tentang kepentingan amalan hormat-menghormati, langkah-langkah mewujudkan, cabaran-cabaran pemupukan, dan punca-punca amalan ini semakin kurang.

#### KEPENTINGAN AMALAN HORMAT- MENGHORMATI ANTARA ANGGOTA KELUARGA

- Mengeratkan hubungan kasih sayang
- Mengelakkan konflik atau masalah
- Mewujudkan keluarga yang harmoni
- Memudahkan penyelesaian masalah melalui perbincangan sesama keluarga



#### INTEGRITI DALAM KELUARGA

Panduan ke Arah Keluarga Bahagia



i - KELUARGA

### Aktiviti Pendidikan Sivik : Sosioemosi

1. Murid-murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan dan setiap kumpulan terdiri daripada empat orang murid.
2. Murid-murid berbincang dalam kumpulan masing-masing tentang kepentingan amalan hormat-menghormati, langkah-langkah mewujudkan, cabaran-cabaran pemupukan dan punca-punca amalan ini semakin kurang.
3. Murid-murid hendaklah melaksanakan aktiviti *Three Stay, One Stay*.
4. Murid-murid mencatat isi penting dari setiap stesen semasa aktiviti *Three Stay, One Stay* dijalankan.
5. Maklumat yang diperoleh akan dibaca semula di dalam kumpulan masing-masing untuk ditambah baik.
6. Setiap kumpulan membentangkan hasil kerja masing-masing.

### Aktiviti Pendidikan Sivik : Tindakan

1. Anda tidak berpuas hati dengan sikap adik anda yang bersikap biadab terhadap anda dan adik-beradik lain.
2. Berdasarkan pernyataan di atas, secara berkumpulan dan menggunakan kaedah Main Peranan, murid mensimulasikan cara melaporkan hal itu kepada ibu bapa.

**Refleksi** (*Diisi oleh guru sebaik sahaja selesai pengajaran*)

## Tajuk: Pengurusan Kewangan

**Nilai teras:** Bertanggungjawab

**Masa:** 1 jam

**SK:** 1.4 Berbicara tentang sesuatu perkara dalam pelbagai situasi formal dan tidak formal.

**SP:** 1.4.1 Berbual dengan menerangkan sesuatu isu yang berkaitan komuniti menggunakan sebutan yang betul dalam situasi tidak formal secara bertatasusila.

### Objektif:

Pada akhir PdPc, murid akan dapat:

1. Menjelaskan kepentingan pengurusan kewangan diri
2. Menyatakan tiga kesan jika gagal menguruskan kewangan
3. Menyatakan tiga peranan pelbagai pihak meningkatkan pengurusan kewangan
4. Membuat buku skrap tentang buku-buku pengurusan kewangan

### Aktiviti Pendidikan Sivik : Pengetahuan

1. Murid-murid melihat keratan akhbar yang berkaitan dengan pengurusan kewangan.
2. Berdasarkan keratan akhbar tersebut, murid-murid berbicara tentang punca-punca berlakunya masalah kewangan serta kesannya terhadap individu.

01 Julai 2019/ Isnin

Terbitan semasa

### Pengurusan kewangan peribadi dijadikan kursus wajib

Dari muka 1

Timbalan Dekan (Pengajian Siswazah dan Jaringan Industri & Masyarakat), Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Madya Dr. Mohamad Fazli Sabri, berkata pendekatan positif serta mesra pengguna adalah antara kaedah yang boleh digunakan khususnya bagi menarik minat golongan culas tegar menyelesaikan pembentukan pendidikan mereka.

Dr. Mohamad Fazli juga mengakui persepsi, kurang kesedaran, dan keprihatinan menyebabkan ada segelintir peminjam yang enggan melunaskan pinjaman mereka.

10 September 2013/ Selasa

Terbitan semasa

### Simpan 30 sen sebulan tunai haji

Warga emas mula menabung hasil pendapatan sebagai kelasi sejak 1950

KUCHING – Dengan berpegang pepatah Melayu ‘sedikit sedikit, lama-lama menjadi bukit’, seorang warga emas, Mail Brahim, 77, yang menyimpan 30 sen sebulan bermula pada tahun 1950, akhirnya mempunyai simpanan mencukupi untuk menuai fardu haji, tahun ini.



Kesempitan hidup menyebabkan beliau yang perlu membantu keluarga, cuma dapat menabung 30 sen sebulan dengan keazaman suatu hari nanti wang itu dapat digunakan untuk menuai fardu haji.

### Aktiviti Pendidikan Sivik : Sosioemosi

1. Murid-murid dikehendaki supaya melakukan aktiviti Fikir-Pasang-Kongsi.
2. Murid-murid diberikan tajuk tentang kepentingan pengurusan kewangan, langkah-langkah meningkatkan pengurusan kewangan, dan cabaran-cabarannya.
3. Murid-murid diberikan masa selama 5 minit untuk berfikir dan menulis isi yang berkaitan dengan topik yang diberikan.
4. Selepas masa habis, murid diminta untuk memilih pasangan masing-masing untuk berkongsi idea.
5. Selepas itu, murid-murid berkongsi idea tersebut dengan rakan-rakan lain di dalam kelas.
6. Murid-murid lain dibenarkan untuk memberikan komen dan pandangan tentang jawapan tersebut.

## Aktiviti Pendidikan Sivik : Tindakan

Secara berkumpulan, anda diminta untuk menyediakan buku skrap tentang kulit-kulit buku yang membincarkan soal pengurusan kewangan.



**Refleksi** (*Diisi oleh guru sebaik sahaja selesai pengajaran*)

## Tajuk: Bangkit daripada Kegagalan dalam Kehidupan

**Nilai teras:** Kegembiraan

**Masa** 1 jam

**SK:** 4.4 Mempersembahkan pelbagai prosa, puisi, dan karya kreatif lain.

**SP:** 4.4.1 Mempersembahkan pantun dengan sebutan, intonasi, dan nada secara kreatif.

**Objektif:**

Pada akhir PdPc, murid akan dapat:

- Menjelaskan cara-cara bangkit daripada kegagalan
- Menyatakan tiga hikmah kegagalan
- Menyatakan tiga peranan yang perlu dimainkan oleh pelbagai pihak untuk membantu seseorang bangkit daripada kegagalan

## Aktiviti Pendidikan Sivik : Pengetahuan

- Murid-murid membaca kisah individu yang bangkit daripada kegagalan lalu mencipta kejayaan yang cemerlang.
- Berdasarkan kisah tersebut, murid-murid berbicara tentang kejayaan individu tersebut.

## Aktiviti Pendidikan Sivik : Sosioemosi

- Murid-murid dibahagikan kepada empat kumpulan untuk menjalankan aktiviti Meja Bulat.
- Setiap kumpulan diberikan tajuk tugas yang berikut:
  - Kumpulan 1 : Maksud bangkit daripada kegagalan
  - Kumpulan 2 : Contoh individu yang bangkit daripada kegagalan
  - Kumpulan 3 : Usaha yang dapat dilakukan untuk bangkit daripada kegagalan
  - Kumpulan 4 : Peranan pelbagai pihak untuk membantu orang yang gagal bangkit semula
- Setiap kumpulan diberikan masa untuk menyiapkan tugas yang diberikan.
- Selepas itu, setiap kumpulan membentangkan hasil tugasannya masing-masing.

### Aktiviti Pendidikan Sivik : Tindakan

1. Murid-murid diminta untuk menghasilkan empat rangkap pantun berdasarkan tugas masing-masing.
2. Setiap kumpulan akan mempersembahkan pantun masing-masing.
3. Guru akan memilih pantun yang terbaik sebagai pemenang.

**Refleksi** (*Diisi oleh guru sebaik sahaja selesai pengajaran*)

### Tajuk: Warganegara Cemerlang

**Nilai teras:** Kegembiraan

**Masa** 1 jam

**SK:** 1.8 Mengulas sesuatu perkara dan isu.

**SP:** 1.8.1 Menghuraikan sesuatu perkara dengan bernalas dan kritis secara jelas menggunakan ayat yang betul, tepat, dan gramatis.


**Objektif:**

Pada akhir PdPc, murid akan dapat:

1. Menjelaskan kepentingan kecemerlangan dalam hidup
2. Menyatakan tiga langkah untuk membina kecemerlangan dalam hidup
3. Menyatakan tiga peranan yang perlu dimainkan oleh pelbagai pihak untuk membantu kecemerlangan
4. Membuat laporan kepada pihak berwajib tentang pihak yang tidak mahu mencapai kecemerlangan dalam hidup

### Aktiviti Pendidikan Sivik : Pengetahuan

1. Murid-murid melihat artikel yang berkaitan dengan kecemerlangan yang dicapai oleh individu tertentu.
2. Berdasarkan artikel tersebut, murid-murid berbicara tentang faktor-faktor kecemerlangan serta langkah-langkah untuk mencapainya.



### Aktiviti Pendidikan Sivik : Sosioemosi

1. Murid-murid diberikan masa beberapa minit untuk berfikir tentang individu yang berjaya dan dikagumi oleh mereka.
2. Murid-murid menyatakan sebab mereka mengagumi individu tersebut pada sehelai kertas.
3. Setelah masa tamat, murid-murid hendaklah memilih pasangan masing-masing.
4. Murid-murid berkongsi perasaan dan idea mereka dengan pasangan masing-masing.
5. Kemudian, murid berkongsi idea dengan rakan sekelas.

### Aktiviti Pendidikan Sivik : Tindakan

1. Anda mendapati rakan anda yang pernah cemerlang dalam pelajaran dan kurikulum mula mengamalkan tabiat negatif. Dia bergaul dengan budak-budak nakal dan mula menghisap rokok serta ponteng sekolah.
2. Berdasarkan pernyataan di atas, secara berkumpulan dan menggunakan kaedah Main Peranan, murid mensimulasikan cara untuk menasihati murid tersebut agar kembali menjadi murid cemerlang.

**Refleksi** (*Diisi oleh guru sebaik sahaja selesai pengajaran*)